




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 403 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 40,263 kes. Satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di Daerah Kota Kinabalu. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 236 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 37,021 orang. Sejumlah 2,653 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 673 orang di hospital dan 1980 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 67 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah direkodkan.

- 4 Pada hari ini, satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Sandakan iaitu Kluster Jalan Sibuga mencatatkan sebanyak empat (4) kes menjadikan jumlah kumulatif sembilan (9) kes. Kluster ini dikesan melalui saringan bergejala dan saringan kontak rapat di Rumah Warga Tua Sri Harapan.
- 5 Daripada 403 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 263 kes (65.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 70 kes (17.4%), saringan rentas negeri 17 kes (4.2%), saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada 22 kes (5.5%), dan 31 kes (7.7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,001 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,588 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,589 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 40.26%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **315,176** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

C. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **94.70%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Kota Belud	95%
3	Kinabatangan	95%
4	Kudat	95%
5	Beaufort	95%
6	Kunak	95%
7	Semporna	95%
8	Kota Marudu	95%
9	Beluran	95%
10	Ranau	95%
11	Tuaran	95%
12	Keningau	95%
13	Tenom	95%
14	Papar	94%
15	Kota Kinabalu	94%
16	Penampang	94%
17	Sandakan	94%
18	Lahad Datu	94%
19	Tawau	94%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis di empat (4) daerah iaitu Keningau, Lahad Datu, Kudat dan Semporna.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 54 lokasi di lima (5) daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

Bersama-sama kita memainkan peranan serta bertanggungjawab dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian untuk terus membendung penularan pandemik COVID-19 dengan sentiasa mematuhi SOP dan tidak berasa selesa kerana keadaan masih belum reda sepenuhnya.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

10 Januari 2021